



ORANG-ORANG MUSLIMIN DENGAN ORANG-ORANG MUSLIMIN ITU BERSAUDARA

Perikatan persaudaraan di antara seseorang Muslim dengan seseorang Muslim itu adalah sangat kukuhnya. Yang demikian ini terbukti di mana jua orang Islam berada atau melawat ke negeri saudaranya kaum Muslimin maka ia berasa bahawa ia bukannya orang asing kepada saudara kaum Muslimin di negeri itu. Sekianlah terjadi beberapa kali apabila pelawat-pelawat datang melawat ke negeri-negeri Islam di dalam mana mereka menerima sambutan yang baik dan dengan ramah mesra. Gambar-gambar di sini menunjukkan tatkala dua orang wartawan Islam yang ternama di Indonesia yang telah mengetahui angkatan Haji Indonesia tahun ini iaitu Hamka dan Asa Bafkiah yang kemudiannya melawat ke Mesir dengan mendapat sepenuh-penuh keriaan.


-----*-----*




Tuan Hamka dalam masa melawat persekutuan yang berikhtiar mendekatkan semua mazhab iaitu yang menjauhkan perselisihan-perselisihan mazhab-mazhab Islam. Bersongkok tarbus di tengah-tengah ialah Ali Alubah Basya ketua persekutuan yang tersebut, di kanannya Tuan Hamka dan di kanan sekali ialah Ahmad Alubah Basya bekas Menteri Kehakiman di Mesir



Tuan Hamka tidak lupa menziarahi Yang Mulia Amir Muhamad adik kepada Amir Abdul Karim (Singa Morocco) yang duduk kedua dari kanan.



Kedua-dua wartawan itu (Tuan Asa Bafkiah, Tuan Hamka di tengah) tidak lupa menziarahi Mujahid Islam yang terkenal di seluruh Alam Islami iaitu al-Haj Amin al-Husaini Mufti Palestin yang pada masa ini di Mesir.



Kalau wartawan dengan wartawan berjumpa biasanya lebih meriah. Lihatlah kedua-dua wartawan itu berjumpa dengan Tuan Fikri Abazah Basya Ketua Pengarang majalah "al-Masur" di dalam pejabatnya (sebelah kanan) dan yang terutama itu ialah Tuan Hamka bersama-sama dengan Tuan Asa Bafkiah (baju putih). – gambar-gambar Muhamad Mastur Zahri Mesir khas kerana Qalam.